

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Satu lagi kes baharu jangkitan

**Pesakit wanita
warga China anak
kepada kes ke-16,
dirawat di wad
isolasi HKL**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Satu kes baharu coronavirus (COVID-19) dilaporkan di negara ini semalam, membabitkan seorang wanita warga China berusia 39 tahun yang menjadikan jumlah keseluruhan 19 kes positif direkodkan setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata wanita terbabit adalah anak kepada kes ke-16 dan juga rakan kepada kes ke-14, kedua-duanya sedang menerima rawatan di wad isolasi Hospital Kuala Lumpur (HKL).

"Mangsa bersama empat yang lain tiba di Malaysia dari Wuhan pada 25 Januari lalu. Sebaik sahaja dua kes terdahulu dikesan

positif, iaitu kes-14 dan kes-16, masing-masing pada 5 dan 7 Februari lalu, mangsa diletakkan di bawah perintah pengawasan dan pemantauan.

"Hasil pemantauan yang dijalankan secara berterusan ke atasnya oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), mangsa didapati mula mengalami gejala demam dan batuk semalam (kelmarin) dan dirujuk ke HKL untuk dimasukkan ke wad bagi menerima rawatan dan siasatan selanjutnya," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, ujian pengesanan dan pengesahan COVID-19 yang dilakukan terhadap wanita itu mendapati mangsa positif jangkitan berkenaan pada hari sama sebelum dimasukkan ke wad isolasi di HKL dan berada dalam keadaan stabil.

"Sehingga hari ini (semalam), sebanyak 19 kes direkodkan, iaitu sembilan kes dalam kalangan Pesakit Bawah Pemantauan (PUI), lapan dalam kalangan kontak dan dua kes dalam kalangan rakyat Malaysia yang dibawa pulang melalui Misi Bantuan Kemanusiaan.

"Daripada jumlah 19 kes itu, 13 membabitkan warga China dan

**Daripada jumlah
19 kes itu, 13
membabitkan warga
China dan enam
lagi membabitkan
rakyat tempatan.**

**Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan**



enam lagi membabitkan rakyat tempatan. Bagi kontak rapat, sebanyak 223 individu sudah dikenal pasti dan sehingga kini aktiviti pengesanan kontak masih diteruskan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Kementerian Kesihatan mengerakkan Pasukan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) sejak 6 Februari lalu susulan Misi Bantuan Kemanusiaan bagi membawa pulang rakyat Malaysia dan ahli keluarga mereka dari Wuhan.

Pasukan berkenaan memberi perkhidmatan sokongan psikososial kepada individu yang diletakkan di bawah perintah pemantauan, petugas Kementerian Kesihatan dan agensi lain yang terbabit dalam menangani virus berkenaan.

"Aktiviti termasuk sesi bantuan asas psikologi (PFA) kelompok dan individu, kaunseling serta rujukan kepada pakar sekiranya perlu. Buat masa ini, terdapat dua kes dirujuk untuk menerima rawatan lanjut kerana stres akut

dan keresahan yang mana mereka diberikan ubatan dan berada dalam keadaan stabil.

"PFA turut diberikan kepada anggota kesihatan yang bertugas di lapangan, meliputi anggota kesihatan yang mengendalikan kes di wad isolasi hospital yang dikenal pasti," katanya.

Katanya, pihak Kementerian akan terus memantau perkembangan jangkitan melalui maklumat daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) seterusnya memaklumkan orang ramai sebarang perkembangan terkini, selain memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

COVID-19 bermula di Wuhan dan angka korban serta kes jangkitan baharu di China melonjak setakat semalam dengan tambahan 242 kematian serta hampir 15,000 pesakit direkodkan di wilayah Hubei ketika pihak berkuasa menukar cara diagnosis.

Virus itu kini meragut sekurang-kurangnya 1,355 nyawa di seluruh dunia, manakala hampir 60,000 sudah dijangkiti di seluruh China berdasarkan rekod terkini Suruhanjaya Kesihatan Hubei.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL



Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan satu lagi kes baharu wabak Covid-19 semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes Covid-19 dilaporkan setakat ini sebanyak 19 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes ke-19 itu membabitkan seorang wanita warganegara China berumur 39 tahun yang juga rakan kepada pesakit kes-14 dan anak kepada mangsa kes-16.

Menurutnya, dua mangsa sebelum ini menerima rawatan di wad isolasi Hospital Kuala Lumpur (HKL).

"Mangsa terbaru bersama-sama empat individu yang lain tiba di Malaysia dari Wuhan, China pada 25 Januari 2020.

"Sebaik sahaja dua kes terdahulu dikesan positif Covid-19 (kes-14 dan kes-16) pada 5 dan 7 Februari lalu, wanita terbabit turut diletakkan di bawah Perintah

Pengawasan dan Pemantauan," katanya.

Menurutnya, hasil aktiviti pemantauan yang dijalankan secara berterusan ke atas wanita itu oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) mendapati mangsa terbaru itu mula mengalami gejala demam dan batuk pada 12 Februari lalu.

"Wanita itu kemudian dirujuk ke HKL untuk dimasukkan ke wad bagi menerima rawatan dan siasatan lanjut.

"Ujian pengesanan dan pengesanan Covid-19 yang dijalankan ke atasnya dilaporkan positif pada hari sama. Dia kini dimasukkan ke wad isolasi di HKL dan berada dalam keadaan stabil," katanya.

Beliau berkata, sembilan kes dicatatkan membabitkan kalangan kes *Patient-Under-Investigation* (PUI), lapan kes dalam kalangan kontak rapat manakala dua kes dalam kalangan rakyat Malaysia yang dibawa pulang melalui Misi Bantuan Kemanusiaan baru-baru ini.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 13 kes membabitkan warganegara China dan enam adalah warga Malaysia.

"Bagi kontak rapat, seramai 223 individu sudah dikenal pasti. Sehingga kini, aktiviti pengesanan kontak rapat masih diteruskan bagi mengenal pasti kontak rapat kepada kes," katanya.

Beliau berkata, KKM juga sudah menggerakkan Pasu-



Satu lagi kes

Warga China jadi mangsa ke-19 Covid-19 di Malaysia



Mangsa terbaru bersama-sama empat individu yang lain tiba di Malaysia dari Wuhan, China pada 25 Januari 2020"

Dr Noor Hisham Abdullah

nusiaan bagi membawa pulang rakyat Malaysia dan ahli keluarga mereka dari Wuhan, China.

"Pasukan ini memberikan perkhidmatan sokongan psikososial kepada individu

yang diletakkan di bawah Perintah Pemantauan kepada Petugas KKM dan agensi lain yang turut sama terbabit.

"Aktiviti termasuk sesi bantuan asas psikologi *psychological first aid* kelompok dan individu, serta kaunseling dan rujukan kepada pakar sekiranya perlu.

"Buat masa ini, dua kes dirujuk untuk menerima rawatan lanjut kerana stres akut dan keresahan. Mereka diberikan ubatan dan berada dalam keadaan stabil," katanya.

Menurutnya, PFA juga diberikan kepada anggota ke-

sihatan yang bertugas di lapangan meliputi anggota kesihatan yang mengendalikan kes di wad isolasi hospital dikenal pasti.

"Sehubungan itu, KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini melalui maklumat yang diperoleh daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. KKM juga akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : ANCAMAN COVID-19 DI CHINA

Seorang lagi positif Covid-19

Pelancong Wuhan mangsa ke-19 disahkan positif koronavirus di Malaysia

Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Seorang pelancong dari Wuhan, China menjadi mangsa ke-19 disahkan positif koronavirus (Covid-19) di Malaysia semalam.

Pelancong berkenaan merupakan anak kepada mangsa kes ke-16 yang disahkan positif Covid-19 di negara ini sebelum ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, wanita berusia 39 itu kini dirawat di Wad Isolasi, Hospital Kuala Lumpur.

"Pesakit berkenaan sebelum ini diletakkan di bawah Perintah Pengawasan dan Pemantauan oleh pusat kesihatan daerah (PKD) selepas anak dan rakannya (pesakit ke-14) daripada empat individu kumpulan pelancong itu didapati positif pada 5 dan 7 Februari," katanya dalam satu kenyataan semalam.



Ujian pengesanan dan pengesahan Covid-19 yang dijalankan ke atasnya telah dilaporkan positif pada hari yang sama."

- Dr Noor Hisham

Menurutnya, hasil pemantauan PKD mendapati wanita itu menunjukkan gejala demam dan batuk semalam sebelum dirujuk ke hospital.

"Ujian pengesanan dan pengesahan Covid-19 yang dijalankan ke atasnya telah dilaporkan positif pada hari yang sama," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan, pesakit yang meninggal dunia di sebuah hospital di Pulau Pinang bukan disebabkan Covid-19.

Beliau berkata, pesakit berkenaan meninggal dunia disebabkan *septic shock with multiorgan failure complicated with cardiogenic shock*.

Katanya, pesakit tersebut mempunyai masalah kesihatan kronik dan masih dalam rawatan susulan.

"Pesakit berkenaan

telah mendapatkan rawatan di sebuah hospital pada Selasa lalu disebabkan batuk dan bengkak pada kedua-dua belah kakinya.

"Dia dimasukkan ke wad dan dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) disebabkan kesihatannya yang semakin merosot sebelum meninggal dunia semalam (kelmarin)," katanya.

Beliau berkata, sampel klinikal telah diambil untuk ujian saringan jangkitan Covid-19 berikutan pesakit dimasukkan ke ICU dan mempunyai dapatan radang paru-paru.

"Sampel klinikal pesakit telah dihantar ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) untuk ujian pengesanan dan pengesahan bagi Covid-19.

"Keputusan makmal mengesahkan ia negatif wabak itu," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 36
RUANGAN : SINAR NEGERI

Dicemari kencing tikus

Taman Eko Rimba Gunung Pulai 1 ditutup selama dua minggu

Oleh NOR AZURA MD AMIN

KULAI

Kawasan rekreasi Taman Eko Rimba Gunung Pulai 1 ditutup sementara bermula kelmarin kerana dipercayai dicemari kencing tikus atau *leptospirosis*.

Pegawai Daerah Kulai, Mohd Radzi Mohd Amin berkata, penutupan selama dua minggu itu bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan dilakukan.

Menurutnya, pihaknya mendapat maklum mengenai penutupan terbit daripada Pejabat Kesihatan Daerah Kulai.

"Tindakan diambil di bawah Seksyen 18(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988



Taman Eko Rimba Gunung Pulai 1 ditutup selama dua minggu bermula kelmarin kerana dicemari kencing tikus. Gambar kecil, notis arahan penutupan.

ekoran kejadian beberapa kes kencing tikus.

"Pihak jabatan menasihatkan orang ramai untuk tidak menggunakan perkhidmatan rekreasi sekitar premis tersebut sementara tugas pembersihan dilakukan," katanya dalam

satu kenyataan di sini semalam.

Sebelum ini kawasan rekreasi tersebut pernah ditutup antara Mei dan Jun 2017 akibat kencing tikus.

Kelmarin tular di laman sosial mengenai arahan penutupan Taman Eko Rimba Gunung Pulai 1.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 36

RUANGAN : SINAR NEGERI

JKNJ nafi arah tutup kelas

JOHOR BAHRU - Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) menafikan mengarah sebuah sekolah jenis kebangsaan (SJKC) di Johor Bahru menutup sebuah kelas dan melarang murid mendekati kelas itu kerana ibu bapa seorang murid disahkan dijangkiti wabak koronavirus (Covid-19) yang tular di media sosial.

**ANCAMAN
COVID-19
DI CHINA**

Pengarah JKNJ, Dr Aman Rabu berkata, seorang murid di sekolah itu merupakan kontak kes Covid-19 yang dirawat di Singapura sejak 10 Februari lepas.

"JKNJ menjalankan pengesanan kontak kes Covid-19 termasuk langkah-langkah pencegahan dan kawalan di kediaman kes. Terdapat tiga kontak rapat yang dikenal pasti iaitu isteri dan dua anak mereka berumur enam dan lapan tahun.

"Hasil siasatan ke atas kedua-dua kanak-kanak itu mendapati mereka negatif jangkitan Covid-19 dan masih diisolasi di hospital sebagai kontak kes positif manakala status isteri pesakit masih dalam siasatan hospital," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, pihaknya tidak pernah mengarah pihak sekolah menjalankan tindakan penutupan mahupun menghalang murid sekolah itu daripada menghadiri kelas berikutan ancaman Covid-19.

"Pihak sekolah mendapat maklumat daripada sumber lain yang belum disahkan dan mengambil tindakan pencegahan jangkitan sendiri," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT :

RUANGAN :

STABLE CONDITION

CHINESE WOMAN IS 19TH COVID-19 CASE

Patient, 39, from Wuhan is the daughter of Malaysia's 16th case

KALBANA PERIMBANAYAGAM
PUTRAJAYA
kalbana@nst.com.my

A CHINESE woman from Wuhan, China, who came to Malaysia last month, is the 19th confirmed coronavirus (Covid-19) case in Malaysia.

The woman, 39, is the daughter of Malaysia's 16th Covid-19 case and the friend of the 14th confirmed case.

Health Ministry director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the woman arrived in Malaysia with four others on Jan 25.

She was placed under supervision after two of her travel partners showed symptoms of the virus.

"Yesterday (Wednesday), she started showing symptoms of fever and coughing.

"Medical tests conducted on her at Kuala Lumpur Hospital the same day showed that she tested positive for the virus," he said yesterday.

He said the woman was placed in the isolation ward and was in stable condition.

The Covid-19 cases involve six Malaysians. The rest are Chinese nationals.

Dr Noor Hisham said three patients had recovered.

"The remaining 16 are being treated and are in stable condition.

"A total of 223 individuals who came into close contact with the patients have been identified," he said, adding that they had been placed under medical supervision.

On the 105 Malaysians and their families who were evacuated from Wuhan recently, he said they were quarantined.

He said they were given counselling and support by the ministry's Mental Health and Psychosocial Support Team upon their return on Feb 6.

He said they responded well to the sessions, except for two, who suffered acute stress and anxiety.

The two, he said, had been referred to a specialist.

He said they had been given medication and were in stable condition.

"They were given group and individual psychological first aid (PFA) sessions, as well as counselling based on their individual psychological needs.

"PFA was provided to health workers on duty, including health personnel handling cases in isolation wards."

He said the ministry would continue to monitor the Covid-

19 outbreak through information from the World Health Organisation.

The outbreak has killed more than 1,300 in China's Hubei province.

The number of new infections in Hubei province rose by 14,840 yesterday, bringing the total number of those infected to more than 48,000.



Datuk Dr Noor Hisham Abdullah

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Tourist from China confirmed as 19th coronavirus victim

PETALING JAYA: The Health Ministry has confirmed the 19th victim of Covid-19 yesterday.

Health Ministry director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the victim, a 39-year-old tourist from Wuhan, China, who was under home surveillance, showed symptoms while being monitored.

The woman, who travelled with her friends and mother, had returned here on Jan 25. One of her friends and her mother were identified earlier as case 14 and case 16 in the Health Ministry's case count record. They both tested positive for Covid-19 on Feb 5 and 7 respectively.

"While under surveillance, victim 19 developed a cough and fever on Feb 12," the ministry said.

"She was then admitted to the Kuala Lumpur Hospital. Tests conducted on the same day returned positive for Covid-19," said Noor Hisham in a statement yesterday.

He said the woman has been placed at an isolation ward and is reported to be in stable condition.

The other two women, aged 37 and 67, are also in isolation at the Kuala Lumpur Hospital.

Of the 19 confirmed cases in Malaysia, 13 are China nationals while six are Malaysians.

Three patients, all from China, have recovered from the disease and have been discharged.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

Confirmed case No. 19

Chinese tourist put under close watch after testing positive

PUTRAJAYA: A 39-year-old tourist from Wuhan, China, is the 19th confirmed case of Covid-19 (novel coronavirus) in Malaysia.

The woman is the daughter of the country's 16th Covid-19 case, and a friend of the 14th case.

They were among a group of five travellers who arrived in Malaysia from China on Jan 25.

"As soon as the two tested positive for the coronavirus on Feb 5 and 7, she was put under home surveillance and monitored by the district health office.

"On Feb 12, she began develop-



ing symptoms such as cough and fever.

"She was then admitted to Hospital Kuala Lumpur.

"Tests conducted found that she tested positive for Covid-19 on

the same day," said Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah in a press statement.

Dr Noor Hisham said the woman has been placed in an isolation ward and is currently in a stable condition.

The other two positive cases – the woman's 37-year-old friend and 67-year-old mother, are also isolated at the same hospital.

The remaining two in the group are still being monitored daily by health officials under home surveillance.

Out of the 19 confirmed cases, 13 are China nationals while six are Malaysians.

Three patients, all from China, have recovered from the coronavirus and have been discharged.

The remaining 16 are still being treated and are in a stable condition.

Dr Noor Hisham added that the ministry has also traced and identified 223 people who had been in close contact with those who tested positive, and they were under close medical supervision.